

*A*ssalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ ،  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ  
إِلَى يَوْمِ الدِّينِ

Yang Berhormat, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara

Yang Mulia Setiausaha Tetap – Setiausaha Tetap,

Yang Mulia Timbalan Setiausaha Tetap dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap,

Yang Mulia Ketua – Ketua Jabatan dan Pegawai – Pegawai Kanan dan para hadirin yang dihormati sekalian.

1. Kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan izinNya jua, kita dapat sama-sama hadir di sesi muzakarah bersama Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara pada pagi ini. Peramba/ kaola / saya mewakili Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, Ketua-Ketua Jabatan

dan seluruh warga Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sukacita mengalu-alukan kehadiran Ahli-Ahli Yang Berhormat ke majlis ini.

2. Alhamdulillah, tahun ini adalah tahun terakhir tempoh pelaksanaan Pelan Strategik Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri 2017 – 2021. Tahun ini adalah tahun yang amat signifikan bagi Kementerian menilai pencapaian sasaran Pelan Strategik nya, mengenalpasti faktor-faktor yang menyumbang kepada kejayaan dan kegagalan pencapaian, menganalisa isu-isu dan masalah-masalah yang berkaitan dengan pelaksanaan nya. Analisa ini adalah mustahak untuk menjadi panduan dalam Kementerian ini berusaha menyediakan Pelan Strategik 2022 – 2026 pada tahun ini.
3. Pada sesi muzakarah ini, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri akan mengongsikan pencapaian yang telah dicapai selaras dengan pelan strategik kementerian bagi tahun 2017 – 2021 iaitu; memelihara keselamatan awam, memantapkan perpaduan masyarakat dan memangkin pembangunan sosio-ekonomi. Sehubungan dengan ini, kementerian sehingga hari ini masih lagi dalam proses melaksanakan beberapa rancangan Pelan Strategik ini, manakala sebahagiannya dijangka akan dapat diselesaikan pada tahun ini. Sementara, sebahagiannya pula tersasar dari tarikh awal pelaksanaannya.

Walaupun bagaimanapun Kementerian ini akan terus komited dan mengambil langkah yang bersepadu bagi merealisasikan setiap perancangan yang telah digariskan dalam Pelan Strategik Kementerian tahun 2017 – 2021 terus dapat dilaksanakan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

4. Tahun 2020 merupakan tahun yang mencabar. Sehingga sekarang Negara Brunei Darussalam dan dunia masih lagi berhadapan dengan pandemik Covid-19. Negara juga telah dilanda banjir sejak bulan April 2020 dan sehingga hari ini bencana banjir masih melanda beberapa kawasan rendah di Negara kita. Alhamdulillah, dengan berkat kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan dengan usaha-usaha bersepadu Agensi-Agensi Kerajaan dan Bukan Kerajaan, seluruh rakyat di Negara ini dan dengan izin Allah jua kita telah dapat mengambil langkah-langkah terbaik bagi memelihara negara dan rakyat serta penduduknya dari jangkitan Covid-19 dan dapat menikmati keadaan kesihatan dan kehidupan hari ini.

5. Dalam usaha memelihara keselamatan awam, Jabatan-Jabatan di bawah Kementerian ini telah menyumbang menjadi salah satu agensi barisan hadapan. Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan

membantu didalam pembekalan *face mask* dan *hand sanitizers* bagi kegunaan barisan hadapan dan agensi penguatkuasaan dan seterusnya membantu menyelaras penyediaan tempat-tempat pengasingan diri mandatori bagi mereka yang tiba di negara ini.

6. Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan pula bersama agensi-agensi lain memastikan pengawalan pos-pos Imigresen darat, laut dan udara terkawal rapi dengan memastikan prosedur-prosedur kawalan kesihatan dipatuhi. Alhamdulillah, secara berterusan jabatan ini bekerjasama rapat dengan Jawatankuasa Pandu Hal Ehwat Rentas Sempadan bagi menyelaras dan mengawal sempadan bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini.

7. Demikian juga dengan cuaca yang tidak menentu yang mengakibatkan berbagai bencana alam seperti banjir dan tanah susur telah meletakkan Jabatan Bomba dan Penyelamat dan Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan serta agensi-agensi lain sentiasa bersiapsiaga menghadapi bencana dan memastikan penduduk terlibat dan orang ramai selamat. Tanggungjawab menangani bencana sekarang tidak sahaja terpikul di bahu kerajaan. Alhamdulillah, baru-baru ini kita dapat melihat sinergi masyarakat bersepadu bagi sama-sama menangani bencana banjir. Mukim Tanjung Maya melalui Majlis Perundingan Mukim

dan Kampong umpamanya telah berupaya mengujudkan kumpulan bertindak Bencana peringkat Mukim dengan menyediakan Standard Operating Procedure, asset berbentuk kereta pacuan 4 roda, perahu-perahu dan para sukarelawan termasuk belia yang bersedia untuk memberikan bantuan. Usaha-usaha ini dapat lah dicontohi oleh Majlis Perundingan Mukim dan Kampong yang lain.

8. Sehubungan ini, saya percaya *community awareness program* yang diadakan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat dan Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan adalah inisiatif yang signifikan untuk memupuk budaya siapsiaga bagi menjadikan masyarakat yang berdaya tahan. Sehingga Disember 2020, seramai 21,108 orang telah mengikuti program kesedaran awam yang dianjurkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat dan seramai 1164 orang telah dilatih melalui program-program berterusan seperti Community Based Disaster Risk Management (CBDRM) dan School Based Disaster Risk Management (SBDRM).

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

9. Satu lagi projek yang berkaitan dengan memelihara keselamatan awam ialah Sistem Immigration and National Registration (INRS) dan National Labour Management System (NLMS) yang sedang

giat dilaksanakan oleh Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan dan Jabatan Buruh, yang insha Allah akan diguna pakai dalam tempoh yang terdekat tahun ini. Insha Allah dengan adanya sistem tersebut itu nanti, ianya akan dapat mengatasi perkara-perkara mengenai pemprosesan kemasukan pekerja asing dan juga boleh menutup ruang dan peluang kemungkinan-kemungkinan terdapatnya penyalahgunaan kuasa oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

10. Dalam pada itu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat kerana membuat lawatan dan mengadakan muzakarah di Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan pada bulan Disember yang lalu. Menerusi sesi muzakarah tersebut Ahli-Ahli Yang Berhormat telah dapat berbincang antara lain mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan pengawalan pekerja asing, isu kerakyatan, dokumen seperti kad pengenalan pintar dan passport. Alhamdulillah, Jabatan Buruh dan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan telah mengambil beberapa tindakan khususnya mengenai pengawalan pekerja asing, menerusi penguatkuasaan perintah agensi pekerjaan 2004, perubahan proses lesen pekerja asing (LPA) dan juga cadangan bagi mengadakan Memorandum Persefahaman dengan beberapa buah

negara bagi tujuan mengawal dan memperkemaskan lagi prosedur-prosedur pengambilan pekerja asing ke negara ini.

11. Dalam hal kesejahteraan masyarakat jua, saya ingin menyentuh mengenai dengan jumlah banduan / tahanan di institusi-institusi penjara yang mana sehingga 28 November 2020 jumlah keseluruhan banduan/ tahanan di institusi-institusi penjara adalah seramai 841 banduan/tahanan, melebihi kapasiti maksima iaitu dalam 585. Jumlah kemasukan banduan/ tahanan semakin bertambah dan masalah kesesakan di institusi-institusi penjara akan meningkat. Sehubungan dengan itu, stigma masyarakat dan orang sekeliling boleh dikatakan masih menebal terhadap golongan yang bergelar banduan. Usaha memulihkan mereka agar dapat kembali ke pangkal jalan terletak di bahu Jabatan Penjara dan seluruh anggota masyarakat. Beberapa usaha sedang diteliti untuk menangani masalah kesesakan di institusi-institusi Penjara berdasarkan pengalaman dan amalan-amalan terbaik di negara-negara lain seperti memperkenalkan sistem parol, iaitu pelepasan bersyarat yang membolehkan banduan menjalani baki hukuman di luar penjara. Jabatan Penjara juga telah secara proaktif membuat perancangan untuk menubuhkan satu Bahagian Perintah Khidmat Masyarakat khususnya untuk melaksanakan Perintah Khidmat Masyarakat.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

12. Dalam usaha Kementerian ini memupok dan mengujudkan masyarakat yang hidup bersatu padu dan pemedulian, Kementerian ini sedang menjalankan inisiatif-inisiatif yang menjurus bagi meningkatkan Institusi Mukim dan Kampong. Di antara nya ialah pengisian jawatan penghulu mukim dan kampong. Mengambil kira pentingnya Penghulu dan Ketua Kampong sebagai pemimpin akar umbi, Projek E-Undi yang dihasratkan bagi membantu mempercepatkan proses-proses pengisian jawatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampong dihasratkan dapat digunapakai pada suku pertama tahun 2021.

13. Mengenai dengan penyertaan belia dalam Majlis Perundingan Mukim dan Kampong, kita menghargai akan tindakan proaktif beberapa buah Majlis-Majlis perundingan Mukim dan Kampong yang sudah mula mengetengahkan belia-belia menjadi ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampong. Sehubungan dengan itu, sekali lagi kita berharap agar usaha-usaha dapat dipertingkatkan bagi sama-sama menarik lagi minat belia untuk menyertai Majlis Perundingan Mukim dan Kampong agar mereka dapat membantu



memajukan sektor perekonomian, sosio budaya dan perpaduan di peringkat akar umbi.

14. Dalam keadaan kita menghadapi Covid-19, kita juga menyaksikan bahawa keadaan ini telah mendorong penduduk Mukim dan Kampong bermufakat melaksanakan rancangan-rancangan yang bermanfaat dan mencerminkan kesepaduan mereka. Kita telah dapat menyaksikan Penghulu Mukim dan Ketua Kampong bersama penduduk kampong membuka beberapa *hiking trails* / trek-trek untuk kegunaan orang ramai di beberapa daerah seperti trek di Kg Masin, Kg Tungku dan lain-lain. Dalam pada itu, kita ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah di atas usaha-usaha tersebut dan di harap aktiviti-aktiviti seperti ini akan dilaratkan lagi.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

15. Mengenai dengan perkembangan sosio ekonomi, asset projek-projek Kementerian bagi merevitalisasi beberapa asset di kawasan Pusat Perniagaan Bandar Seri Begawan dengan kerjasama Syarikat P Cube Sdn Bhd, sedang berjalan di berbagai fasa pelaksanaan.

16. Dalam usaha memangkin perniagaan Satu Kampong Satu Produk (1K1P) pula, pada tahun lepas Kementerian ini dengan kerjasama Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) telah menjalankan program transformasi 1K1P di mana 19 orang pengusaha dari ke empat-empat daerah berjaya memperkenalkan dua produk iaitu produk klasik dan produk Premium 1K1P. Antara lain objektif program ini adalah bagi meningkatkan usahawan yang lebih kompeten dan menjadikan produk 1K1P yang berkualiti dari segi pengeluaran, pembungkusan, label dan persijilan. Untuk makluman bersama, produk klasik dengan konsep *grab and go* adalah disasarkan untuk pembelian bagi kegunaan harian dan jualan yang cepat dipasaran manakala produk premium adalah untuk dijadikan cenderamata korporat dan jualan di outlet-outlet yang dikhaskan. Insha Allah program transformasi yang kedua akan diadakan pada bulan Februari 2021.

17. Walaupun dalam keadaan Covid-19, kita mengambil berat akan pengutipan hasil dan tunggakan cukai bangunan. Sehingga Disember 2020, Lembaga-Lembaga Bandaran telah mengutip sebanyak \$5,751,331.09 bagi kutipan hasil semasa dan \$3,931,221.23 bagi hasil kutipan tunggakan.

18. Sehubungan dengan ini, mengambil kira suasana persekitaran yang sentiasa berubah selaras dengan kehendak dan keperluan

semasa, Insha Allah penyediaan rangka Pelan Strategik Kementerian 2022 – 2026 ini nanti akan dibuat secara komprehensif dengan mengambil kira aspirasi, inisiatif-inisiatif dan perancangan-perancangan yang sedia ada termasuk daripada *Digital Masterplan Economy 2025, Economic Blueprint For Brunei Darussalam*, pelan-pelan strategik kementerian-kementerian dan sebagainya dalam sama-sama merealisasikan matlamat negara khususnya dalam menjayakan Wawasan 2035. Di antara lain, Kementerian ini akan:

- Memantapkan keberkesanan penguatkuasaan undang-undang bagi meningkatkan tahap keselamatan dan kesejahteraan orang ramai;
- Memantapkan sistem tahanan dan pengawalan penghuni;
- Memperkukuhkan Institusi Mukim dan Kampong dan
- Meningkatkan prasarana-prasarana bagi mendokong sosio-ekonomi.

19. Taklimat mengenai pencapaian-pencapaian Kementerian akan disampaikan oleh Yang Mulia Setiausaha-Setiausaha Tetap. Dengan itu, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat di atas kesudian menghadiri muzakarah pada pagi ini dan berharap agar sesi muzakarah hari ini akan dapat kita

jadikan wadah untuk bertukar-tukar fikiran, mengongsikan pandangan yang membina, menerima cadangan dan juga mendengar isu-isu semasa yang akan dapat menyumbang kepada merapatkan lagi jurang dalam perkhidmatan dan dasar Kementerian ini ke arah meningkatkan mutu perkhidmatan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam.

Sekian,

Wabilahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.